

13 SEP 2000

GLOBAL2000-LID AKAN DIADAKAN NOVEMBER INI

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi-Global2000 (LID) dijadual akan diadakan di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort dari 19 hingga 22 Nov ini.

Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman berkata LID tahun ini yang masuk tahun kelima akan memberikan fokus terhadap "Aliran Global dan Ekonomi Baru muncul."

"LID berharap untuk menyemaikan perkongsian pintar dalam menangani isu global dan ekonomi," katanya selepas menertima cek beberapa penaja dialog di Putrajaya hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung dan penasihat Global2000-LID tahun ini.

Ia dianjurkan bersama oleh kumpulan Industri-Kerajaan bagi teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dan Pengurusan Teknologi bagi Perkongsian Komanwel (CPTM).

Syarikat-syarikat yang memberikan sumbangan pada majlis hari ini Rolls Royce (RM50,000), Southern Bank Berhad (RM100,000), PLUS Berhad (RM100,000) dan Utusan Malaysia dilantik sebagai akhbar rasmi dialog tersebut.

-- BERNAMA

MHI GM RI